



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?

<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

HIGHLIGHTS

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

Penulis: Yahutazi Bin Chik

MUKAH: Pada 17 April 2023 bersamaan 24 Ramadhan 1444 Hijrah telah diadakan Majlis Iftar Perdana bersama Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Hj. Abdul Taib Mahmud Serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib bersempena dengan sambutan Jubli Emas ulang tahun ke-50 UiTM Cawangan Sarawak bertempat di Surau Ibn Khaldun, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Bersempena dengan sambutan Jubli Emas ulang tahun ke-50 UiTM Cawangan Sarawak, UiTM Kampus Mukah telah dipilih sebagai tuan rumah bagi program yang lazimnya dianjurkan setiap tahun di UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. Pemilihan UiTM Kampus Mukah untuk program Iftar Perdana pada tahun ini sebagai simbolik atas sumbangan besar Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak yang juga merupakan mantan Ketua Menteri Sarawak terhadap cetusan idea serta sokongan bagi pembinaan kampus ke tiga UiTM Cawangan Sarawak di zon tengah Sarawak iaitu di bahagian Mukah.

Dalam majlis tersebut juga Tun bersama Toh Puan turut berkenan untuk menyampaikan sumbangan daripada pihak Astana Negeri kepada 50 orang asnaf dari sekitar kawasan Mukah, Balingian, Dalat, Igan & Oya dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM12,500.00 dan turut memberi sumbangan kepada 50 orang pelajar UiTM Cawangan Sarawak dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,000.00. Pada masa yang sama Tun dan Toh Puan turut menyerahkan cek sumbangan daripada pihak Majlis Islam Sarawak kepada wakil masjid dan surau di sekitar Bahagian Mukah dengan jumlah bernilai RM158,000.00 manakala sumbangan daripada pihak Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Setia Raja Mukah pula kepada wakil masjid dan surau di sekitar Mukah dan Balingan yang keseluruhannya berjumlah RM85,000.00.

Turut hadir menyambut keberangkatan tiba TYT serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib pada majlis iftar perdana tersebut terdiri daripada Yang Berhormat Datuk Abdullah Bin Hj. Saidol, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan UKAS merangkap ADUN N.42 Semop, Yang Berbahagia, Professor Dato Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak serta isteri, Yang Berbahagia Datin Marilyn Edna Perreau, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir, Penolong Rektor UiTM Kampus, YB Royston Valentine, ADUN N.57 Telian, Datu Haji Sarudu bin Haji Hoklai, Setiausaha Lembaga Amanah Masjid Mukah, Encik Kueh Lei Poh, Residen Bahagian Mukah dan turut dihadiri oleh barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Sarawak, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua masyarakat, para penerima sumbangan disamping turut dimeriahkan dengan warga UiTM Kampus Mukah serta tetamu-tetamu lain yang hadir pada majlis iftar kali ini. Setinggi-tinggi penghargaan serta menjunjungkasih kepada Tuan Yang Terutama Tun serta Yang Amat Berbahagia Toh Puan atas perkenan berangkat hadir ke majlis yang bersejarah di UiTM Kampus Mukah ini.

